

**FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN UKUR BANGUNAN**

**SEJAUH MANAKAH KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN
AKTA KILANG DAN JENTERA 1967 DIKUATKUASAKAN DI
TAPAK BINA**

**Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi
Sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)**

**DISEDIAKAN OLEH : NURIANIE BT MD GHAZALI
SESSI : TAHUN AKHIR
(1999/2000)**

**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

DISSERTASI BSV 695

PENGESAHAN PEMBETULAN DISSERTASI

Dengan ini adalah disahkan bahawa pelajar berkenaan telah membuat pembedulan seperti yang telah diarahkan dan seterusnya dibenarkan menjilid dissertasi beliau

Nama Pelajar : **Nurianie Bt. Md Ghazali**
No. Pelajar : **98025289**
Tajuk Dissertasi : **Sejauh Manakah Keberkesanan Penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera 1967 Dijalankan Di Tapak Bina**
Semester : **04**
Nama Penyelia : **Puan Nor Rima Bt Muhamad Ariff**
Tandatangan :
Tarikh :

Abstrak

Perkembangan yang pesat ke atas sektor pembinaan di abad ke 20 telah menyebabkan bertambahnya permintaan bagi penggunaan mesin dan jentera dan juga tenaga buruh di tapak bina sama ada tenaga mahir mahupun kurang mahir.

Mesin dan jentera yang dibawa masuk ke negara ini yang digunakan oleh industri binaan hendaklah dikawal sama ada dari segi penggunaannya di tapak bina mahupun kesan penggunaannya dalam industri binaan sendiri. Ini disebabkan ada kalanya mesin atau jentera yang diimport dari luar perlu diketahui kesesuaiannya dan keupayaan sebenarnya sebelum ia boleh digunakan. Ada juga mesin yang belum pernah digunakan di negara ini atau yang baru dibawa masuk yang mana ia memerlukan pengendali yang bertauliah agar keselamatan di tapak bina terkawal

Pengubalan akta yang mengawal penggunaan mesin dan jentera di tapak bina serta keselamatan dalam pengendaliannya adalah perlu dan penguatkuasaannya pada hari ini adalah kena pada masa dan tempatnya.

Semua pihak yang terlibat dengan sebarang projek pembinaan haruslah sedar akan keperluan untuk menjaga keselamatan pekerja dan juga keperluan penggunaan mesin dan jentera yang sentiasa berada dalam keadaan baik di tapak bina.

Kajian disertasi ini dibuat untuk mengetahui sejauh mana penguatkuasaan Akta Kilang dan Jentera 1967 dijalankan di tapak bina dan tanggungjawab pihak-pihak yang terbabit untuk menurut segala keperluan yang perlu dipenuhi mengikut kehendak-kehendak akta.

Diharap kesimpulan, rumusan dan cadangan dapat dihasilkan dan dibuat terhadap isu-isu yang timbul dari kajian yang telah dilakukan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah

Dengan izin Allah, disertasi ini dapat disiapkan bagi sesi 1999/2000. Bagi pihak-pihak yang terlibat setinggi-tinggi penghargaan diucapkan. Kepada Puan Nor Rima binti Muhamad Ariff, pensyarah penyelia bagi disertasi ini, jutaan terima kasih diucapkan di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sehingga ia dapat disiapkan.

Buat keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan galakkan dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu dalam memberikan pandangan, semangat, idea dan maklumat sepanjang penyediaan disertasi ini. Terima kasih diucapkan di atas segala pemberian yang telah diberikan baik dari segi fizikal mahupun spiritual dan ia amat dihargai.

Penghargaan juga ingin diberikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak sehingga siapnya disertasi. Kesudian memberi kelapangan dalam pemberian maklumat, cadangan dan bahan rujukan yang amat berguna amat dihargai. Kepada pihak-pihak yang disebutkan ini ucapan terima kasih diberikan :-

1. Encik Ahmad Kamal Awang
Pengurus Projek,
Peremba Construction